

Headline	Bintang Piala Dunia perkuat UniKL		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	23 Dec 2018	Language	Malay
Circulation	245,911	Readership	737,733
Section	Sukan	Page No	77
ArticleSize	487 cm²	Journalist	ZAZALI JAMIAN
PR Value	RM 32,626		



Bintang Piala Dunia perkuat UniKL

Oleh ZAZALI JAMIAN

sukan.utusan@gmail.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 DIS.

SKUAD hoki Universiti Kuala Lumpur (UniKL) bakal menjadi tumpuan utama dalam Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL) 2019 apabila diperkuatkan enam pemain import berstatus bintang dunia.

Antara nama besar yang bakal menggegar liga hoki tempatan musim depan adalah dua tonggak yang membantu Belanda muncul naib juara Piala Dunia 2018, Robert Kemperman (pertahanan) dan Valentin Verga (tengah).

Empat lagi ialah penjaga gol Ireland, David Harte, dua pemain Australia, Timothy Deavin dan Keiren Govers serta bekas pemain Belanda, Martijn Havenga.



VALENTIN VERGA

"UniKL akan cuba mempertahankan kejuaraan Piala TNB, selain menyasarkan untuk meraih keputusan terbaik dalam liga utama.

"Dengan adanya stadium baharu iaitu Stadium Hoki Tengku Abdullah di Bangi sudah tentu akan menaikkan lagi semangat pemain.

"Malah, kemasukan beberapa nama besar yang memiliki pengalaman antarabangsa menguatkan semangat UniKL untuk memburu seberapa banyak trofi musim

2019," kata pembantu pengurus UniKL, Saiful Azhar Mohd. Afandi.

Saingan liga akan bermula dengan perebutan Piala Sumbangsih di antara Pasukan Hoki Terengganu (THT) menentang UniKL pada 11 Januari ini, sebelum berakhir pada 3 Mac.

Selain muncul juara Piala TNB, UniKL menamatkan kempen 2018 dengan menduduki tangga keempat dalam saingan Liga Malaysia yang dimenangi oleh THT.



ROBERT KEMPERMAN